

Ucapan perpisahan Mahathir di Parlimen 30 Oktober

Oleh ZULKIFLI JALIL

UM 23 OCT 2003
PULAU PINANG 22 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan bersara hujung bulan ini, akan membuat ucapan perpisahan terakhir di Parlimen pada 30 Oktober ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, pada hari berkenaan juga, Dr. Mahathir akan menjawab soalan-soalan berkaitan perkara yang menyentuh Jabatan Perdana Menteri.

Menurutnya, Kabinet yang membincangkan perkara itu dalam mesyuaratnya hari ini juga mengambil ketetapan bahawa pengganti beliau, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan membuat ucapan su-lungnya sebagai Perdana Menteri di Parli-men pada 3 November ini.

Peluang

Katanya, Abdullah dijadual mengajukan ucapan terima kasih Parlimen kepada Dr. Mahathir.

“Kabinet hari ini membincangkan jadual tersebut. Dr. Mahathir yang akan berucap kali terakhir di Parlimen pada 30 Oktober ini juga akan mengambil peluang bercakap tentang perkara-perkara lain jika ditimbulkan,” katanya ketika dihubungi hari ini.

Abdullah yang diumumkan oleh Dr. Mahathir sebagai penggantinya dijadual mengangkat sumpah sebagai Perdana Menteri Malaysia kelima di Istana Negara pada 31 Oktober ini.